

# SUKAN MASUM FASA 2 DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Oleh : Mohd Hafeez B. Nordin

Sukan MASUM Fasa 2 telah berlangsung pada 19 Mei hingga 27 Mei 2008 di Universiti Malaysia Sabah. Sebanyak 12 acara telah dipertandingkan. Antaranya Futsal Lelaki, Ragbi 10'S, Bola Tampar Lelaki, Bola Tampar Wanita, Taekwondo Lelaki, Taekwondo Wanita, Bola Jaring, Catur Lelaki, Catur Wanita, Ping-Pong lelaki dan wanita, Golf Lelaki Dan Wanita, Bola keranjang lelaki dan wanita serta Tenis Campuran. Jumlah atlet adalah seramai 83 orang dan 13 orang pegawai telah terlibat pada kejohanan kali ini yang telah berlangsung di Negeri Sabah di Bawah Bayu.

Pada kejohanan kali ini Pasukan UniMAP telah menyertai sebanyak 7 Acara iaitu Futsal Lelaki, Bola Tampar Lelaki, Taekwondo Lelaki dan Taekwondo Wanita, Catur Lelaki dan Catur Wanita, Ragbi 10 'S, dan juga Bola Jaring. Pada kejohanan Fasa 2 ini pasukan UniMAP agak lebih bersedia dan mendapat harapan baru apabila Ketua Kontingen iaitu En. Mustafa Al Bakri turut sama turun padang untuk memberikan kata peransang dan semangat kepada para atlet sebelum memulakan kejohanan. Bagi acara Bola Jaring ,pasukan UniMAP hanya mampu untuk melepassi pada peringkat kumpulan sahaja yang mana pada peringkat kumpulan pasukan UniMAP telah diletakkan bersama-sama UiTM, UMK dan UMS yang berlangsung di Dewan Bangunan Persekutuan Sabah. Dalam acara Ragbi 10 'S pula pasukan ragbi UniMAP diletakkan bersama-sama pasukan UPM, UTHM dan UUM yang berlangsung di padang B Kompleks Sukan UMS. Walaubagaimanapun pasukan ragbi UniMAP hanya dapat memasuki peringkat Bowls sahaja dan kalah pada pusingan kedua. Namun semangat dan kesungguhan mereka telah ditunjukkan dengan sebaik mungkin walaupun kalah tipis melalui kutipan mata kepada UUM. Manakala pasukan Bola Tampar Lelaki pula pasukan UniMAP telah diletakkan bersama-sama pasukan UiTM ,UteM dan UDM. Perlawanan telah berlangsung di Dewan MUIS Sabah. Pasukan UniMAP

hanya mampu mengisi tempat ke tiga dalam peringkat kumpulan sahaja.

Bagi acara catur pula sistem permainan swiss clock telah menyaksikan pasukan UniMAP hanya dapat beraksi pada pusingan pertama sahaja kerana faktor penglaman dan teknik permainan yang kurang memberangsangkan dalam kejohanan kali ini. Tetapi permata UniMAP hadir juga bagi acara Taekwondo lelaki bagi kategori Welter Weight yang menyaksikan Mohammad Fairus B Abd Rahim telah mengondoli pingat gangsa dalam acara ini.Walaupun mengalami kecederaan di bahagian buku lali namun semangat yang ditunjukkannya amatlah memberangsangkan pada kejohanan kali ini.

Bagi acara Futsal Lelaki pasukan UniMAP hanya layak ke peringkat separuh akhir sahaja. Pasukan Futsal UniMAP telah diletakkan bersama-sama pasukan UMP, UMT dan UniMAS. Pasukan UniMAP telah bertemu dengan pasukan UPSI pada peringkat separuh akhir yang menyaksikan pasukan UniMAP tewas dengan kedudukan 3-2. Walaupun hanya mampu ke peringkat separuh akhir tetapi prestasi yang ditunjukkan oleh anak-anak buah Suhairi Karim telah memberangsangkan tahap permainan mereka. Dengan corak latihan yang bersistematik akan mampu memberikan lagi saingan di masa hadapan. Syabas Futsal UniMAP. Diharap pada tahun akan datang Kontingen UniMAP akan lebih bersedia dan mampu memberikan saingan yang lebih baik kepada universiti-universiti lain.

Pada edisi yang akan datang tuan rumah untuk kejohanan sukan MASUM 2009 adalah di Universiti Malaysia Pahang dan Universiti Malaysia Terengganu dimana banyak lagi acara-acara baru akan dipertaruhkan untuk edisi yang akan datang. Majulah Sukan UniMAP.

JUMLAH KONTINGEN SUKAN MASUM FASA 2  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
21-27 MEI 2008

Bil	Acara	Affit		Pegawai		Jumlah
		Lelaki	Wanita	Lelaki	Wanita	
1	Catur L	4		1		5
2	Catur W		4		1	5
3	Bola Jaring		12		2	14
4	Bola Tampar L	12		1		13
5	Futsal Lelaki	12		1		13
6	Ragbi 10 s	15		1		16
7	Taekwondo L & W	16	16	1		33
8	Golf	1		1		2
9	Urusetia			2	4	6
10	Lain			2		2
	Jumlah	60	32	10	7	109

